

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 17 / 08 / 2007

Malayan Union sedarkan orang Melayu – Osman

Oleh DIYANA ROSE KAMALLUDEEN

ALOR STAR 16 Ogos – Tanpa Malayan Union, orang Melayu pada sekitar tahun 50-an mungkin akan terus lena dibuai mimpi dan tidak terfikir untuk mencapai kemerdekaan seawal tahun 1957.

Rakan seperjuangan bekas Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Osman Abu Bakar berkata, dengan kemunculan Malayan Union, orang Melayu sedar bahawa ketuanan mereka boleh lenyap jika tidak ditentang.

Menceritakan detik-detik bermulanya penentangan orang Melayu di Kedah, beliau berkata, Dr. Mahathir adalah pencetus idea yang utama.

Katanya, hasil idea Dr. Mahathir, beberapa pelajar Government English School (kini Kolej Sultan Abdul Hamid) dan Maktab Mahmud berkumpul untuk menampal poster antipenjajah di serata bandar Alor Star.

“Kami berkumpul seawal pukul 3 pagi untuk menampal poster-poster itu termasuk di pejabat pos berhadapan dengan balai polis,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Osman berkata, bagaimanapun usaha mereka untuk membangkitkan semangat juang orang Melayu itu bukanlah mudah memandangkan mereka kekurangan dana.

Beliau dan Dr. Mahathir ketika itu menggunakan bahan-bahan sedia ada seperti kertas bermain mahjong dan ubi keledak sebagai blok tulisan dan dakwat

Sebelum Merdeka



OSMAN ABU BAKAR

murah untuk menghasilkan sepanduk anti-Malayan Union.

“Kami tampil di merata tempat dan esok pagi-pagi kami keluar untuk melihat reaksi penjajah kerana ia merupakan pertama kali rakyat bangkit.

“Selepas peristiwa itu, orang-orang Melayu yang berpecah tanpa persatuan politik

muncul bersatu dalam pelbagai persatuan seperti Kesatuan Melayu Kedah (KMK), Saberkas, Angkatan Pemuda Insaf dan Persatuan Ulama Kedah,” katanya.

Katanya, beliau dan Dr. Mahathir juga merupakan antara yang terlibat dalam perbincangan untuk mengadakan perhimpunan raksasa bagi menentang Malayan Union.

Katanya, penentangan itu mencapai kemuncak apabila 5,000 orang Melayu dari sekitar Kedah utara berhimpun di Padang Court (kini Medan Bandar) pada 19 Januari 1946.

“Sebelum itu, saya dan seorang penuntut Maktab Mahmud, Mahmud Naim berjalan kaki sejauh kira-kira 30 kilometer ke Jerlun demi mengumpulkan masyarakat Melayu luar bandar untuk menghadiri perhimpunan tersebut,” jelasnya.

Katanya, tugas mengajak orang Melayu bangkit menentang British tidak sukar apabila mereka didedahkan kepada ideologi penjajah yang mahu mencabar maruah bangsa dan kedaulatan raja-raja Melayu menerusi Malayan Union.

“Bagi saya, kemunculan Malayan Union merupakan satu hikmah kerana tanpanya, orang-orang Melayu masih lena, tidak ta-

um- 17/8/2007
Kami berkumpul seawal pukul tiga pagi untuk menampal poster-poster itu termasuk di pejabat pos berhadapan dengan balai polis

OSMAN ABU BAKAR

hulah bila akan mencapai kemerdekaan,” ujar beliau yang pernah bertugas sebagai Pemeriksa Tali Air Pangkat Tertinggi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sehingga bersara pada 1977.

Katanya, selepas kejayaan pertama itu, satu lagi rapat raksasa diadakan pada 30 Mei 1946 yang dihadiri 10,000 rakyat termasuk beberapa pemimpin dan tokoh pejuang.

Tambah Osman lagi, beliau kemudiannya meneruskan perjuangan bersama Pemuda UMNO Kedah Tengah di Sungai Petani iaitu di sekitar tahun 1955.

Katanya, UMNO ketika itu cukup miskin hinggalah mereka terpaksa menyewa sebuah gerai di stesen bas Sungai Petani untuk dijadikan pejabat dan mengadakan *fun fair* bagi mengumpulkan wang.

“Ahli UMNO ketika itu bekerja secara sukarela demi bangsa dan negara kerana tujuan kami adalah satu, iaitu mengembangkan sayap di kampung-kampung,” katanya.

Hasilnya, kata Osman, pada pilihan raya umum pertama pada 27 Julai 1955, Parti Perikatan iaitu gabungan UMNO, MCA dan MIC memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.